

**BN perlukan mandat untuk cecutkan reformasi, pesan Najib kepada rakyat Malaysia**  
**Malaysian Insider**  
**May 3, 2013**  
**Oleh Zurairi AR**

KUALA LUMPUR, 3 Mei — Barisan Nasional (BN) memerlukan mandat baru untuk mempercepatkan reformasi untuk merangsang ekonomi, melawan rasuah, mengukuhkan keselamatan dan pendidikan untuk melahirkan masyarakat yang padu, kata Datuk Seri Najib Razak hari ini.

Dalam surat terbuka kepada rakyat Malaysia sebelum pilihan raya umum 5 Mei, perdana menteri keenam negara itu (gambar) mengatakan telah berlaku banyak transformasi sepanjang empat tahun berkhidmat akan tetapi masih banyak yang perlu dilakukan.

“Masih banyak yang perlu dilakukan: Saya sedar bahawa transformasi kami adalah cerita yang belum selesai.

“Dengan mandat baru, saya berharap untuk mempercepatkan reformasi, untuk terus memastikan ekonomi lebih kukuh dan politik kita lebih responsif. Saya mahu melakukan lebih banyak untuk melawan rasuah, untuk memperkukuhkan keselamatan dan sistem pendidikan, dan membina masyarakat yang lebih padu. Saya mahu membantu membina negara lebih baik dan ini yang saya lihat untuk Malaysia,” kata beliau dalam satu surat yang dihantar kepada The Malaysian Insider.

Pengerusi BN itu menjadi perdana menteri pada 3 April 2009 dan terus memulakan Model Ekonomi Baru (NEM) yang termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk menjadi negara berpendapatan tinggi pada 2020.

Kedua-dua program memberikan nafas baru kepada ekonomi, menarik pelaburan dalam dan luar negara dan menarik rakyat Malaysia di luar negara untuk pulang sepanjang lima tahun lalu.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-perlukan-mandat-untuk-cepatkan-reformasi-pesan-najib-kepada-rakyat-malaysia/>